

Zafri Ab. Halim kini Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa

KUALA LUMPUR 1 Sept. - Etiqa Takaful Bhd. melantik Zafri Ab. Halim sebagai Ketua Pegawai Eksekutif berkuat kuasa hari ini.

Zafri akan berkhidmat di bawah Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Ageas Holdings Bhd., Kamaludin Ahmad dan bertanggungjawab ke atas segala urusan perniagaan Takaful dan pentadbiran Etiqa Takaful di Malaysia.

Kamaludin berkata, Zafri adalah seorang yang sangat layak menerajui Etiqa Takaful kerana memiliki pengalaman yang amat luas dalam bidang insurans.

Katanya, Zafri pernah berkhidmat selama 14 tahun di Malaysia National Insurance (MNI) yang sekarang dikenali sebagai Etiqa Insurance Bhd. pada awal kerjayanya dan memahami selok-belok syarikat.

“Beliau juga seorang pemimpin yang terbukti memberi keputusan terbaik untuk syarikat dan sentiasa mengetengahkan idea dan inovasi terbaharu untuk para pelanggan.



ZAFRI AB HALIM

“Kesemua ini diharapkan dapat membantu Etiqa Takaful mencapai aspirasi sebagai pengendali takaful utama dan disegani di Malaysia, terutamanya dalam segmen takaful keluarga,” katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Zafri mempunyai 25 tahun pengalaman di dalam bidang insurans dan kewangan, sebelum menerajui Etiqa, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Great Eastern Takaful Bhd.

Sebelum itu, beliau mengetuai jabatan perkhidmatan korporat yang mengendalikan perakaunan kewangan, pelaburan, sistem pengurusan informasi dan pentadbiran awam di Bank Aljazira, Arab Saudi.

Zafri memiliki Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Projek, Universiti George Washington, Amerika Syarikat dan Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Pertanian Malaysia.

Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Perakaunan Malaysia.